

Penjajaran kapal di Melaka, elak pukat nelayan rosak

UM 04/10/23 m/s 31

MELAKA: Kerajaan negeri mengarahkan penjajaran semula terhadap kapal-kapal besar yang berlabuh di perairan Tanjung Kling di sini bagi membolehkan nelayan menangkap ikan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, penjajaran itu penting bagi membolehkan nelayan menurunkan pukat dan jala tanpa rasa bimbang.

Katanya, konflik berlaku apabila kawasan tangkapan ikan semakin mengecil susulan tambahan laut semakin luas memaksa nelayan menurunkan pukat lebih jauh iaitu di kawasan kapal besar berlabuh.

“Mungkin berlaku salah faham sebab zon berlabuh yang besar. Sebelum tambahan laut berlaku, nelayan boleh menangkap ikan di luar zon berlabuh tetapi apabila semakin luas nelayan tidak ada pilihan dan terpaksa masuk ke tempat yang digazetkan untuk kapal berlabuh.

“Hasil perbincangan kita dapat persetujuan daripada Pelabuhan Tanjung Bruas, Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan negeri, Jabatan Laut Malaysia untuk menjajarkan tempat kapal-kapal berlabuh. Ini bagi membolehkan nelayan menangkap ikan tanpa bimbang jala dan pukat mereka tersangkut.

“Kapal boleh berlabuh di mana-mana yang dia rasa sesuai atas arahan pihak pelabuhan. Kita minta dalam zon itu dibuat selari supaya kita boleh tahu walaupun kapal nelayan masuk tapi mereka tetap boleh tangkap ikan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Program Pemantauan Kawasan Tangkapan Ikan Perairan Melaka Tengah di sini, semalam.